

19/01/2003

ADK lancar 'perang' banteras salah guna dadah jenis baru

Ahmad Fauzi Mustafa

JOHOR BAHRU: Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) sekali lagi melancarkan perang terhadap penyalahgunaan dadah terutama dadah jenis baru iaitu Amphetamine Type Stimulants (ATS) yang mendapat permintaan tinggi di kalangan remaja dan belia.

Timbalan Ketua Pengarah ADK, Ab Rashid Mat Adam, berkata pihaknya akan melancarkan perang terhadap penyalahgunaan dadah itu terutama terhadap remaja dan belia secara bersepadu dengan agensi kerajaan lain.

Beliau berkata, dadah ATS sekarang menduduki tempat ketiga dari segi permintaan selepas heroin dan ganja di kalangan penagih dadah di negara ini.

"Berdasarkan kajian penyalahgunaan dadah di dunia, dadah ATS menduduki tempat kedua berbanding permintaan dadah heroin.

"Ini bermakna secara tidak langsung dadah ATS mula mendapat permintaan tinggi di negara ini, lebih-lebih lagi ia mudah dibawa dan disorok kerana ia berbentuk seperti pil ubat.

"Di samping itu, permintaan dadah ATS turut dikesan dengan banyak terutama di kalangan kira-kira 14,000 penagih baru. Kebanyakan mereka (penagih baru) itu di kalangan remaja dan belia yang bekerja," katanya kepada pemberita selepas Sukaneka Penghuni Pusat Serenti Tampoi, di sini, semalam.

Hadir sama ialah Ahli Parlimen Pulai, Datuk Abd Kadir Anuar, Pengarah ADK Johor, Yusof Omar dan Komandan Pusat Serenti Johor Bahru, Mohi Bajuri.

Tahun lalu, ADK mengenal pasti seramai 31,556 penagih dadah di seluruh negara. Daripada jumlah itu, 98.3 peratus adalah lelaki. Di samping itu, 81.16 peratus adalah remaja dan belia yang berusia kurang 40 tahun.

Dari 1998 hingga 2001, seramai 223,123 penagih dadah dikesan di seluruh negara. Dadah ATS adalah antara jenama popular bagi pil khayal selain pil ecstasy yang ada di negara ini.

Sehubungan itu, Ab Rashid berkata, ADK akan melancarkan kempen pencegahan dadah yang dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mac depan, sebagai usaha terbaru memerangi dadah sehingga ke peringkat akar umbi.

"Kita (ADK) akan mewujudkan lebih banyak kumpulan kecil seperti badan bukan kerajaan (NGO), sekolah, individu dan ibu bapa yang boleh membantu kerajaan memerangi penyalahgunaan dadah terutama dadah baru seperti ATS.

"Walaupun kita pernah mengisytiharkan perang ke atas dadah sebelum itu, tetapi suasana globalisasi yang berubah turut mempengaruhi penggunaan dadah yang juga mengalami perubahan," katanya.

Selain itu, menurut Ab Rashid, ADK akan memperluaskan penubuhan Persatuan Bekas Pelatih Pusat Serenti di seluruh negara, sebagai usaha memberi sokongan bekas pelatih serenti menghadapi dunia luar semula.

"Sebenarnya alumni ini yang mana pengarah ADK bertindak sebagai penaung sudah dilaksanakan di Kuala Lumpur, setahun lalu.

"Maklum balas (penubuhan alumni) yang diterima cukup positif. Kebanyakan pelatih yang keluar dari pusat serenti masing-masing secara berkumpulan dapat memperolehi pekerjaan yang baik, di samping diterima secara terbuka oleh masyarakat setempat.

"Menerusi alumni, bekas pelatih pusat serenti dapat meyakinkan masyarakat setempat bahawa mereka sudah bersih daripada penyalahgunaan dadah serta mendapat sokongan antara rakan bekas pelatih yang keluar bersama-sama," katanya.

